



ILMU pertanian mampu merangsang minat kanak-kanak terhadap bidang ini.

KAEDAH pengkomposan baja menggunakan bahan sisa makanan menarik perhatian kanak-kanak untuk mencubanya.

KANAK-KANAK ini belajar teknik mencanting dan mewarna batik berkonsepkan flora dan fauna.

Pupuk minat kanak-kanak terhadap bidang pertanian

PENDIDIKAN pertanian merupakan elemen penting dalam menggalakkan kanak-kanak mencintai dan menghargai alam sekitar. Dengan ilmu pertanian, kanak-kanak dapat merangsang minat mereka melalui pelbagai aktiviti yang berkaitan bidang itu.

Menyedari kepentingan ilmu berkenaan, Pusat Transformasi Komuniti Universiti Putra Malaysia (UCTC UPM), Serdang, Selangor buat julung-julung kalinya telah mengadakan sebuah program dikenali Jom! Celik Pertanian baru-baru ini bagi memberi pendedahan kepada kanak-kanak tentang kepentingan ilmu pertanian.

Program selama sehari itu telah disertai oleh 30 orang kanak-kanak berumur antara lima hingga 12 tahun yang terdiri daripada anak-anak pensyarahan dan kakitangan UPM serta orang awam. Ia bermula dari pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah semai biji benih tanaman, kaedah pengkomposan baja menggunakan bahan sisa makanan serta penanaman secara kaedah botol gantung dengan menggunakan botol plastik terpakai.

Selain itu terdapat juga pendedahan tentang cara menanam pokok melalui hidroponik ringkas, penyediaan alat penghalau dan perangkap nyamuk serta teknik mencanting dan mewarna batik

berkonsepkan flora dan fauna. Menariknya, setiap hasil kerja boleh dibawa pulang sebagai kenangan-kenangan.

Menurut Pengarah UCTC UPM, Prof. Madya Dr. Mansor Abu Talib, UCTC UPM program seperti itu diadakan bagi menggalakkan pelbagai lapisan umur terutamanya kanak-kanak celik pertanian.

"Aktiviti ini mampu mendekatkan

warga UPM dan mengeratkan silaturahim bersama komuniti khususnya.

Cungkil bakat

"Ditambah pula dengan berbekalkan kepakaran yang sedia ada oleh pegawai UCTC UPM, program ini akan mampu dilaksanakan dengan jayanya pada masa akan datang," ujarnya yang berhasrat menjadikannya sebagai program tahunan.

Program Jom! Celik Pertanian turut mendapat kerjasama dari

Taman Pertanian Universiti dan Fakulti Pertanian.

Sebelum ini, kebanyakan program yang dijalankan oleh UCTC UPM diadakan di sekolah-sekolah, namun kali ini mereka menjemput kanak-kanak dari luar untuk datang ke pusat transformasi berkenaan.

Sementara itu, kanak-kanak berkenaan turut dibawa ke Laman Pertanian Bandaran Fakulti Pertanian dan juga Seksyen Ekuin dan Pastura Taman Pertanian Universiti bagi mencungkil minat kanak-kanak di dalam dunia

pertanian.

Laman Pertanian Bandaran Fakulti Pertanian merupakan satu inisiatif UPM melestarikan pertanian bandaran bagi menggalakkan komuniti bercukup tanam dalam kawasan tanaman yang minimum. Di laman itu, kanak-kanak berkenaan didekah dengan aktiviti pertanian moden.

Di Seksyen Ekuin dan Pastura Taman Pertanian Universiti, mereka berpeluang memberi kuda makan dan mengenali haiwan tersebut dengan lebih dekat.

SERAMAI 30 orang kanak-kanak terlibat dalam program Jom! Celik Pertanian anjuran Pusat Transformasi Komuniti Universiti Putra Malaysia di UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.



SALAH seorang kakitangan UCTC UPM memberi penerangan mengenai kaedah pengkomposan baja kepada para peserta.

